

08/04/2000

Memastikan hanya ahli politik berwibawa bertanding

Jamhariah Jaafar

PENCALONAN untuk majlis tertinggi Umno kini hampir ke penghujungnya. Perasaan lega sudah pasti menyelubungi sanubari hampir semua 2.5 juta ahlinya apabila khabar angin mengenai pertarungan bagi dua jawatan tertingginya, tidak menjadi kenyataan. Kemenangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tanpa bertanding bagi jawatan Presiden dan keputusan muktamad ahli untuk memastikan jawatan Timbalan Presiden milik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, walaupun ada yang pasti tercuit hati tetapi rata-rata ahli menarik nafas lega. Sekali lagi Umno terselamat daripada diseret ke kancah persaingan yang boleh memusnahkan.

Perhatian kini tertumpu kepada jawatan Naib Presiden iaitu kepada sembilan calon yang layak bertanding setakat ini. Semua pencalonan ditentukan oleh bahagian secara demokrasi. Persoalannya sekarang ialah sejauh mana berkesannya sistem peratusan atau turut dikenali sebagai sistem kuota yang digunakan buat kali pertama tahun ini.

Bahana politik wang yang dikatakan berleluasa pada pemilihan Umno terutama pada 1993 dan 1996, hampir menghancurkan kekuatan parti itu apabila wujud golongan usahawan dan jutawan yang lahir dari Dasar Ekonomi Baru (DEB) begitu ghairah untuk terbabit secara langsung dalam pentadbiran politik negara.

Amalan sistem terbuka dengan sesiapa saja ahli parti yang mendapat sekadar dua pencalonan dari peringkat bahagian boleh bertanding dalam semua jawatan peringkat tertinggi, menyaksikan ramai orang berebut-rebut untuk mengejar kedudukan dalam parti. Secara mendadak ketika itu, muncul ramai usahawan berjaya yang tiba-tiba bergiat dalam arena politik. Ramai kalangan mereka bukan saja bersaing pada peringkat tertinggi malah turut meletakkan diri pada peringkat akar umbi, hatta pada peringkat cawangan.

Melihat perkembangan yang boleh memusnahkan kekuatan parti Melayu ini sekiranya dibiarkan berleluasa, satu kumpulan pakar pemikir ditugaskan Perdana Menteri untuk menangani masalah ini, termasuk cara terbaik untuk mengurangkan gejala politik wang yang memang mustahil untuk dibanteras tetapi boleh dibendung sekiranya kena caranya.

Akhirnya, satu formula dicapai di Pulau Langkawi dan selepas berpuas hati, Perdana Menteri membentangkan cadangan itu kepada Majlis Tertinggi (MT) untuk tindakan susulan. Formula yang digariskan ialah calon yang ingin bertanding jawatan Presiden hendaklah dinamakan sekurang-kurangnya 30 peratus atau 50 bahagian; 20 peratus (33 bahagian) bagi Timbalan Presiden; 10 peratus bagi Naib Presiden (17 bahagian) dan lima peratus (lapan bahagian) bagi ahli MT.

Sistem peratusan itu diterima sebulat suara oleh semua ahli Umno yang mengadakan satu Perhimpunan Agung Khas pada 13 Disember, 1998. Selain peratusan bagi jawatan tertinggi parti, formula itu turut membabitkan pemilihan pada peringkat akar umbi iaitu pada peringkat bahagian yang tidak melebihi 150 cawangan, calon bagi jawatan ketua harus mendapat 20 peratus pencalonan; timbalan ketua (15 peratus); naib (10 peratus) dan ahli jawatankuasa (dua cawangan). Bagi bahagian yang memiliki lebih 150 cawangan, seseorang calon perlu mendapat sokongan 30 cawangan bagi jawatan ketua, 20 cawangan bagi timbalan ketua dan 10 bagi naib ketua. Mesyuarat khas itu turut memansuhkan 10 undi bonus bagi setiap pencalonan bahagian untuk calon yang bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Tempoh pencalonan kini hampir berakhir dengan hanya 10 bahagian lagi yang belum bermesyuarat untuk membuat pencalonan. Sistem peratusan itu

nyata berkesan dan diterima ramai kecuali rungutan seorang dua tokoh politik. Terdapat juga persoalan seperti mengapa tidak dipermudahkan sistem itu tanpa menggunakan peratusan yang ada membawa angka perpuluhan, kepada kiraan lebih mudah iaitu jumlah pencalonan yang perlu diperolehi untuk sesuatu jawatan.

Tetapi seperti biasa persoalan seperti itu adalah subjektif dan masing-masing akan melihat keadaan daripada persepsi sendiri. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika diajukan soalan sama ada sistem ini perlu dikaji semula bagi mengukuhkan keberkesanannya, turut meminta semua pihak bersabar dan melihat dahulu hasil daripada ujian tahun pertama ini.

Antara tujuan utama formula itu ialah untuk memastikan hanya ahli politik yang benar-benar tulen yang menyertai persaingan selain berusaha membendung politik wang. Walaupun sukar untuk menghapuskan politik wang, kini cerita mengenai sogokan wang tidak begitu kedengaran... cuma ada desas-desus mengenainya timbul di sana sini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, berkata semua ahli Umno memang menyedari bahawa matlamat asal formula ini adalah untuk mengurangkan kumpulan yang tidak ada akar umbi dalam parti atau kumpulan yang hanya dengan menggunakan wang telah dapat mengambil tempat dalam Umno.

"Formula ini antara lain ialah untuk menyekat golongan yang tidak ada asas politik tapi ada banyak wang, seperti jutawan yang dijayakan di bawah DEB dengan bantuan Umno. Selepas dapat wang mereka nak kuasai politik. Sekiranya wang mula menguasai politik, keadaan sudah pasti tidak lagi membawa sebarang makna. Bagi saya ahli perniagaan mesti kekal jadi ahli perniagaan dan ahli politik jadi ahli politik... kita tidak boleh campur-adukkan kedua-duanya. Ahli perniagaan patut membantu Umno dalam cara lain tapi bukan dengan mengambil alih kuasa. Kita nampak arah aliran itu pada 1993 dan 1996...tetapi pencalonan kali ini kalau kita tengok hampir tidak ada lagi ahli perniagaan," katanya.

Di samping itu, Azmi yang juga Ahli Parlimen Padang Besar, berkata tokoh politik yang benar-benar 'asli' sebenarnya tidak patut merungut sukar untuk mendapat pencalonan kerana peratusan yang ditetapkan adalah munasabah bagi peringkat jawatan yang ditetapkan. "Hendak jadi naib (Presiden) takkan tak boleh dapat sokongan 17 bahagian kerana jawatan berkenaan bukan untuk sesiapa saja tetapi bagi mereka yang benar-benar berwibawa, popular dan diterima semua peringkat sebagai pemimpin pelapis negara. Bagi mereka yang ingin bertanding sebagai ahli MT pula, keperluan hanya untuk mendapat lapan pencalonan daripada 165 bahagian. Ini tidak patut menjadi satu masalah yang besar kepada mereka," katanya.

Tokoh politik muda, Khaled Nordin, pula berkata tokoh politik berwibawa tidak sewajarnya merungut, kerana mereka tidak sepatutnya menghadapi masalah untuk mendapat sokongan dari peringkat akar umbi. "Berapa ramai yang merungut? Hanya satu dua orang. Tetapi rata-rata yang lain bersetuju dengan sistem ini kerana di sini ahli politik akan tahu sejauh mana penerimaan ahli terhadap mereka," kata Timbalan Menteri Kerja Raya itu.

Ahli Parlimen Tambun, Ahmad Husni Hanadzlah pula menegaskan sistem terbaru Umno ini diharap dapat menangani kemelut yang hampir menghancurkan parti. "Dilihat dari sejarah, sudah berlaku banyak kali terutama pada pemilihan 1993 dan 1996, terdapat ramai sangat orang yang tidak ada pengaruh pada peringkat akar umbi bertanding dan berjaya menggunakan kekayaan mereka untuk mendapat pengaruh politik. Berlaku satu budaya yang tidak pernah kita alami dulu yang mana perwakilan mendapat bermacam-macam ole-ole di rumah... mungkin ada orang pandang kecil tetapi ramai yang berasa seronok apabila menerimanya," katanya.

Bagaimanapun, senario sistem peratusan ini ternyata berbeza dari kaca

mata mereka yang menawarkan diri untuk menjawat jawatan tertinggi parti terutama Naib Presiden yang akan menjadi fokus utama pada pemilihan parti nanti.

Selain Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, yang melahir perasaan tidak puas hati kerana adanya pakatan untuk mempengaruhi pencalonan, seorang lagi calon Naib Presiden, Datuk Seri Syed Hamid Albar, turut berasa sistem ini perlu dikaji semula. Syed Hamid berkata, sistem peratusan yang digunakan bertujuan menentukan bahawa orang yang masuk dalam pertandingan jawatan adalah serius dan 'tidak main-main'.

"Saya sendiri bersetuju bahawa sistem ini adalah untuk mengadakan had minimum untuk melayakkan seseorang itu bertanding mungkin ada kebaikan... tetapi tiap-tiap perkara itu ada pro dan kontranya. Saya fikir selepas melihat daripada suasana dan keadaan yang berlaku, mungkin baik untuk kita memerhati semula terhadap apa juga sistem yang kita laksanakan supaya ia akan beri kepuasan kepada ahli di samping mengelak perkara-perkara yang tidak baik berlaku kerana Umno memerlukan sokongan dan sentiasa diperhati. Dalam penggunaan sistem ini sekarang, kita juga kena perhatikan kesan-kesan yang mungkin kurang sihat dan kurang baik," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengaku walau apa pun sistem yang diperkenalkan sudah pasti akan ada yang akan merungut. "(Perkara paling penting ialah) Kita kena didik ahli itu sendiri dan kita kena ketepikan kepentingan peribadi dan utamakan kepentingan pertubuhan kita kerana itu yang menjadi asas kita. Jika ada semangat yang macam itu, apa sistem pun yang kita gunakan saya fikir Umno akan selamat," kata Syed Hamid.

Turut berasa sistem ini wajar dikaji semula ialah seorang lagi calon naib presiden, Datuk Rais Yatim, yang berpendapat formula ini membuka lebih banyak 'gaung-gaung lebih besar' untuk amalan politik yang telah menghantui Umno sejak beberapa tahun lalu. "Mahu tidak mahu kebanyakan pihak terpaksa berbudi kepada bahagian dan pemimpin tertentu. Ini tidak dapat dielakkan... saya percaya kalau ada pihak menafikan perkara itu, mereka itu sama ada tidak bercakap benar atau sememangnya tidak mahu mendedahkannya. Justeru, saya percaya sistem ini perlu dinilai semula dengan mengkaji sama ada ia memang boleh mengukuhkan Umno atau memburukkan amalan politik wang.

"Amalan ini mungkin tidak begitu ketara ketika persaingan untuk mendapatkan lesen (pencalonan) tetapi apabila ia memasuki bab kedua, sekali lagi pergelutan akan berlaku di bawah. Pergelutan itu pula akan membolehkan pihak yang berada dan mempunyai hubungan dengan tokoh korporat untuk membantu mereka.

Jadi orang macam saya dan seorang dua calon (naib presiden) lain yang tidak mempunyai kekuatan atau hubungan seperti itu serta hanya melalui landasan tradisional... perwakilan yang memilih saya atau calon seperti saya adalah mereka yang benar-benar ikhlas dalam pemilihan bakal pemimpin mereka," kata beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Menyentuh amalan negatif itu, Syed Hamid menegaskan: "Yang pentingnya ialah ahli, sikap mereka dan perwakilan. Orang selalu menyalahkan orang atas dan menyatakan daripada atas itulah yang patut buat perubahan. Kita tidak boleh hanya mengikut sistem dari atas ke bawah saja, yang bawah pun mesti pastikan mereka mempunyai kejujuran dan keikhlasan, mereka sayang dan cinta parti. Saya fikir kita kena tukar cara berfikir. Kita perlu tengok juga diri kita kerana kalau satu sistem ada kesan negatifnya, tidak semestinya orang atas saja yang salah. Ahli juga mampu buat perubahan. Siapa yang akan dipilih sebagai Naib Presiden... yang pilih ialah ahli. Bukan pemimpin boleh mendera atau memaksa ahli untuk membuat sesuatu keputusan. Ahli yang buat keputusan, gunakanlah kuasa itu untuk kebaikan parti."

Khaled pula berpendapat: "Wang memang menjadi sebahagian daripada

politik. Keadaan ini berlaku di mana-mana saja di dunia ini. Dalam dunia sekarang memang sukar untuk mencari ahli politik yang tidak menggunakan wang untuk mendapatkan pengaruh... kecuali mereka benar-benar popular. Tetapi dapat dilihat sekarang masalah itu tidak separah apa yang berlaku beberapa tahun lalu."

Mengimbuai kembali amanat Perdana Menteri di perhimpunan agung khas 1998 itu, beliau berkata antara faktor yang boleh memusnahkan parti pemerintah sesebuah negara termasuk Malaysia ialah apabila berlaku perselisihan pendapat dan perebutan antara pemimpin untuk mendapat tempat tertentu dalam parti. "Semakin lama semakin bercita-cita besar minat pemimpin-pemimpin parti. Usaha mereka merebut tempat akan memecahkan parti kepada kumpulan yang bermusuh antara satu sama lain. Akhirnya parti pemerintah akan berpecah kepada kumpulan yang lemah. Kewibawaan parti sebagai pemerintah akan merosot. Ini akan mengurangkan lagi kemampuan untuk memenuhi harapan rakyat. Dengan itu parti yang memperjuangkan kemerdekaan akan dibenci oleh rakyat dan akan hilang sokongan," tegasnya.

Justeru, semua calon yang bakal bertanding pada pemilihan 11 Mei ini perlu menyedari hakikat bahawa jumlah pencalonan yang diterima belum menggambarkan undi sebenar. Undi sebenar terletak di tangan kira-kira 2,000 perwakilan yang dipilih ke sana.

Seperti kata Azmi: "Rata-rata tokoh politik berusaha mendapat pencalonan tertinggi untuk membuktikan populariti atau mungkin kerana ego seorang pemimpin. Tetapi tidak ada siapa dapat menolak kenyataan bahawa pencalonan tertinggi tidak semestinya menerima undi tertinggi... nasib mereka terletak di tangan perwakilan yang diberi tanggungjawab untuk memilih pemimpin yang dianggap terbaik untuk meneruskan kepemimpinan peringkat tertinggi."

(END)